

NO SOALAN :24

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' NGEH KOO HAM  
(BERUAS)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 08.11.2017**

**Y.B. DATO' NGEH KOO HAM [ BERUAS ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi tahun-tahun 2013 hingga 2016 dalam Ringgit Malaysia dan dalam Dollar Amerika mengikut kadar penukaran wang pada tahun-tahun berkenaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Antara tahun 2013 hingga tahun 2016, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada harga malar berkembang kukuh secara purata sebanyak 5 peratus meskipun berhadapan dengan pelbagai cabaran luar. Pada tahun 2013, ekonomi negara berkembang 4.7 peratus dengan nilai RM955.1 bilion atau bersamaan dengan USD303.1 bilion. KDNK terus

meningkat kukuh kepada 6 peratus pada tahun 2014 dan berkembang sebanyak 5 peratus pada tahun 2015. Pertumbuhan ini disokong oleh kerancakan aktiviti domestik terutamanya dipacu oleh sektor swasta. Pada tahun 2016 ekonomi mencatat pertumbuhan sebanyak 4.2 peratus berikutan persekitaran global yang mencabar. Ekonomi negara pada tahun 2016 pada harga malar bernilai RM1.1 trilion atau bersamaan USD267.2 bilion.

2. Pengurangan nilai ekonomi dalam USD pada tahun 2016 adalah disebabkan oleh penyusutan nilai mata wang yang bukanlah unik kepada Malaysia sahaja. Keadaan ini turut dialami oleh mata wang serantau yang mencerminkan terutamanya pengukuhan dolar AS. Pada tahun 2016, nilai ringgit telah menyusut sebanyak 4.3 peratus berbanding dolar AS. Penyusutan nilai ringgit kebanyakannya disebabkan oleh perubahan aliran dana yang dipengaruhi oleh faktor luaran termasuk jangkaan kenaikan kadar dasar Federal Reserve AS, volatiliti dalam harga minyak mentah dunia dan ketidaktentuan politik di negara maju. Risiko ini memberi kesan negatif terhadap kebanyakan matawang negara sedang pesat membangun dan serantau, termasuk ringgit.

3. Malaysia sebagai sebuah negara kecil dan terbuka terdedah kepada pelbagai cabaran luar. Walau bagaimanapun, pelaksanaan pelbagai program transformasi ekonomi termasuk mempelbagaikan sumber pertumbuhan, pembaharuan fiskal serta langkah untuk

memastikan sistem kewangan yang kukuh dan stabil menyediakan penampang yang mencukupi untuk menangani cabaran luar. Di samping itu, asas ekonomi negara terus kukuh, termasuk pasaran buruh yang stabil dengan guna tenaga penuh; kadar inflasi yang terkawal; rizab asing yang mencukupi; dan sistem kewangan yang kukuh dengan pengantaraan berkesan bagi menyokong pertumbuhan ekonomi. Usaha mempelbagaikan produk dan pasaran turut menyokong prestasi perdagangan negara.

4. Pelbagai usaha ini telah membantu menyokong pertumbuhan ekonomi dan dicerminkan melalui prestasi ekonomi negara yang amat memberangsangkan sebanyak 5.7 peratus dalam tempoh separuh pertama 2017. Bagi tahun 2017, Kerajaan yakin ekonomi akan terus berada di landasan pertumbuhan yang mapan dengan unjuran antara 5.2 peratus hingga 5.7 peratus dipacu terutamanya oleh kerancakan aktiviti domestik serta sektor luar yang semakin baik.